



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN POCKET PARK LEBUH KAMPUNG
BENGGALI DAN MAJLIS PECAH TANAH NAIK TARAF
GELANGGANG PELBAGAI GUNA LEBUH KAMPUNG
BENGGALI BUTTERWORTH DI BAWAH PELAN
BUTTERWORTH BAHARU OLEH Y.A.B KETUA MENTERI
PULAU PINANG**

**24 FEBRUARI 2018 (SABTU)
8.30 PAGI**

PANGSAPURI RIA, LEBUH KAMPUNG BENGGALI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang
& Alam Sekitar

Yang Berhormat Tuan Tanashekaran a/l Autherapady
ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod
Puan Setiausaha Perbandaran

Encik Murali Ram
Project Director Think City

Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan MPSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama dan berkumpul pada hari ini dalam dua (2) usaha MPSP dan Think City iaitu Majlis Perasmian *Pocket Park* dan Majlis Pecah Tanah Gelanggang Pelbagai Guna Lebuh Kampung Benggali Butterworth di bawah Pelan Butterworth Baharu oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, barisan EXCO, ADUN, Ahli Majlis dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP dan Think City walaupun pada hari cuti.

Untuk makluman semua, MPSP akan terus komited merealisasikan hasrat memperbanyakkan kawasan hijau dan kawasan lapang awam di seluruh Seberang Perai bagi mencapai hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar pada tahun 2022. MPSP juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan taman-taman kecil seperti *pocket park* dan kemudahan riadah ke arah menjadikan bandar lebih hijau, sihat dan indah serta memberi ruang untuk masyarakat berkumpul bagi tujuan riadah, di antara yang dilaksanakan bersama Think City Sdn. Bhd. adalah *Butterworth Art Work* di Lorong Bagan Luar 1; Projek Naiktaraf *Pocket Park* Lebuh Benggali, Butterworth; dan Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama. Usaha-usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth telah membawa hasil. Nilai

Pembangunan Kasar (GDV) bagi pembangunan harta tanah di kawasan Butterworth telah meningkat sebanyak 2.7 kali ganda iaitu RM491,235,473.00 pada tahun 2017 berbanding RM182,700,000.00 pada tahun 2015.

Oleh itu, pada hari ini Projek Naiktaraf *Pocket Park* Lebuu Kampung Benggali adalah merupakan pengisian program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn Bhd selaras dengan Inisiatif *Cleaner, Greener, Safer and Healthier* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerjasama di antara MPSP dan Think City Sdn Bhd dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*).

Pocket Park atau lebih dikenali sebagai taman mini ialah kawasan terbuka dengan skala yang sangat kecil. Keunikan *pocket park* ialah walaupun berskala kecil tetapi ruangan di dalam kawasan *pocket park* ini dipenuhi dengan ruang rehat, alat senaman, alat mainan dan tumbuhan hijau. Taman Rekreasi Tertutup yang terletak berdekatan Dewan Ria, Lebuu Kampung Benggali, Butterworth yang dibuka kepada orang awam. Komponen yang terdapat di *Pocket Park* Lebuu Benggali

adalah seperti *Feature Swing, Parcourse Equipment, Park Bench* dan *Feature Play Mound*.

Selain itu, MPSP juga sentiasa prihatin dan mementingkan kehendak masyarakat setempat. Berdasarkan analisa *survey community engagement* yang telah dilaksanakan oleh Think City dan MPSP pada 5 hingga 11 Disember 2017, sebanyak 2215 responden telah memilih untuk cadangan naiktaraf gelanggang sebagai ruang awam untuk kegunaan penduduk. Jumlah responden ialah seramai 2400 orang. Hasil daripada keputusan engagement ini, sebuah rekabentuk konsep gelanggang telah dihasilkan dan menepati kehendak penduduk.

Gelanggang berkeluasan 1466 kaki persegi ini akan dinaiktaraf dengan komponen seperti *multi use hardcourt, dual use space - sports/ event space, shaded spectator seat, landscaping* dan *visual corridor/ pedestrian walkway to temple*.

Untuk makluman semua, Projek Naiktaraf Pocket Park Lebuu Kampung Benggali ini menelan belanja sebanyak RM300,000 dan telah siap dibina pada November 2017 manakala bagi Projek Menaiktaraf Gelanggang Pelbagai Guna ini pula menelan belanja sebanyak RM450,000 dan dijangka siap pada April 2018. Kedua-dua projek ini dibiayai sepenuhnya oleh MPSP dan Think City Sdn. Bhd. Tidak lupa

juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa memberi sokongan terhadap projek-projek rakyat seperti ini.

Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam seperti pocket park dan gelanggang pelbagai guna ini sebagai kemudahan awam dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan Lebuh Benggali dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *pocket park* yang disediakan di sini serta kemudahan gelanggang serba guna yang terdapat di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup yang mana wujud sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan Pelan Butterworth Baharu. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalankan kerjasama dengan MPSP untuk terlibat bersama dalam pembangunan Bandar Butterworth.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu Pulau Pinang ke arah “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*”. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng dan pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City, Ahli Majlis, warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.